

Nelayan terima peruntukan RM800,000

TOK JEMBAL - Kerajaan negeri memperuntukkan sebanyak RM800,000 bagi bantuan pembelian peralatan operasi untuk nelayan pada tahun ini.

Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Terengganu, Zawawi Ali berkata, bantuan itu merangkumi mesin tarik bot, tong insulasi dan peralatan GPS.

"Bantuan ini bertujuan menambah ke-sejahteraan nelayan dengan peningkatan hasil pendapatan mereka.

"Selain itu, setiap bulan nelayan turut memperoleh bantuan sara diri sebanyak RM300 daripada kerajaan pusat bagi mengurangkan beban yang ditanggung golongan itu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengada-

kan pertemuan dengan nelayan di Pantai Tok Jembal, di sini, semalam.

Menurut Zawawi lagi, antara bantuan lain yang diberikan kerajaan pusat bagi membantu meningkatkan taraf hidup golongan nelayan adalah memperuntukkan sebanyak RM550,000 untuk pembinaan tukun tiruan.

Sementara itu, mengulas mengenai dakwaan seorang ahli bahawa nelayan di Teluk Ketapang dan Kemaman memperoleh pendapatan di bawah RM500 sebulan seperti mana yang tular di media sosial, Zawawi berkata itu tidak tepat.

Katanya lagi, ketika ini secara purata nelayan di negeri ini memperoleh pendapatan tidak kurang RM2,000 sebulan melalui hasil tangkapan yang diperoleh mereka.



Zawawi (tengah) ketika menjawab soalan pemberita.